



SIARAN MEDIA

KPKT MENSASARKAN PEMBINAAN 112 TAMAN REKREASI MADANI (TRM) SEPANJANG TAHUN 2025

SEPANG, 23 Februari 2025 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah menyempurnakan Majlis Perasmian Taman Rekreasi MADANI (TRM) Desa Pinggiran Putra, Sepang, Selangor pada pagi ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) akan **membangunkan dan menaik taraf kemudahan TRM di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM50 juta**. Pembangunan TRM adalah memberi fokus kepada **penyediaan persekitaran yang hijau dan kemudahan landskap bagi tujuan rekreasi penduduk serta manfaat komuniti setempat**. Inisiatif ini melibatkan kerjasama JLN bersama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sebanyak lapan **(8) TRM akan dibangunkan di negeri Selangor melibatkan peruntukan sebanyak RM4 juta**. KPKT merancang untuk membangunkan 100 Taman Rekreasi MADANI setiap tahun dalam tempoh lima tahun, menjadikan jumlah keseluruhan **500 taman menjelang tahun 2028**.

Pada tahun 2024, sebanyak 109 TRM dan Projek Pembangunan Landskap telah disiapkan serta dibangunkan melibatkan kos sebanyak RM51.9 juta. Di Selangor, terdapat tujuh (7) buah TRM telah dibangunkan dengan kos sebanyak RM3.5 juta. Antaranya ialah TRM Desa Pinggiran Putra, Sepang. Lokasi TRM Desa Pinggiran Putra yang terletak dalam kawasan kediaman memberi akses mudah kepada penduduk setempat. Penduduk setempat dapat beriadah dengan lebih selesa dan selamat seterusnya menggalakkan amalan gaya hidup sihat.

Terdapat 6 tonggak Konsep MADANI bagi pelaksanaan TRM:

- i. **Mampan** - pendekatan *design with nature* di mana pokok yang ditanam perlulah sesuai dengan persekitaran;

- ii. **SejahterA** – susun atur taman yang efektif, estetik, damai, selesa dan ceria untuk memberi kesan positif kepada pengguna;
- iii. **Daya cipta** dengan reka bentuk TRM disediakan oleh pakar bidang iaitu arkitek landskap yang bekelayakan bagi mengolah ruang yang kreatif, inovatif serta menyelesaikan masalah persekitaran (*problem solving design*);
- iv. **HormAt** - penyediaan komponen taman yang memenuhi keperluan semua golongan;
- v. **YakiN** - penyediaan rekabentuk TRM yang diyakini selamat untuk digunakan dan diyakini mampu menjadi ruang ketiga kehidupan; dan
- vi. **Ihsan** - penyediaan TRM yang dapat diakses dengan mudah oleh semua golongan masyarakat.

Menurut YB Timbalan Menteri, “TRM dibangunkan bagi kemudahan rekreasi dan riadah orang ramai di samping mengeratkan jaringan sosial masyarakat serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat. Inisiatif ini selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan lebih banyak ruang rekreasi dan kawasan hijau awam.”

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad; Ketua Pengarah JLN, YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad serta barisan pegawai daripada JLN dan Majlis Perbandaran Sepang.

#MalaysiaMADANI
 #Keyakinan
 #StrongerTogether
 #UnityInDiversity
 #DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

